

11/03/2004

Pak Lah tidak kisah kesulitan pilih calon

Norbakti Alias; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KANGAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengakui bukan mudah untuk beliau memilih calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding pada pilihan raya umum 21 Mac ini.

"Sehingga kini (malam tadi), pemilihan calon belum selesai dan masih berjalan termasuk Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

"Bukan mudah (memilih calon). Kita kata yang ini dia kata yang itu. Kerana itu, sampai la ni (sehingga kini) tak habis lagi," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau tidak kisah dengan kesulitan memilih calon itu kerana ia adalah tugas beliau sebagai Perdana Menteri dan juga Pengerusi BN.

Beliau juga mahu rakyat negara ini terus memberi sokongan kepada kerajaan BN demi masa depan mereka.

Katanya, BN akan terus meningkatkan pembangunan negara yang sebelum ini telah dijana Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kewajipan saya sebagai Perdana Menteri bukan (setakat) terima kemajuan (yang dibawa) Tun Dr Mahathir tapi akan ditokok tambah.

"Dalam BN kita tak bertelagah. Apa yang kita lakukan tak bawa apa-apa masalah," katanya ketika berucap melancarkan Islam Hadhari (Pengurusan Negara Islam) peringkat negeri Perlis di Dataran Datuk Sheikh Ahmad, di sini, malam tadi.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri kira-kira 10,000 orang itu ialah Shahidan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Perdana Menteri berkata, sejak zaman parti Perikatan hingga kerajaan BN, penekanan sentiasa diberikan ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan rakyat termasuk menyemarakkan pembangunan pendidikan.

Mengenai Islam Hadhari, beliau berkata, ia bertujuan memperkenalkan sistem pengurusan negara Islam kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama mereka.